

10 AUG 2000

Abu Hassan-Perhubungan

UMNO SELANGOR SERAH KEPADA PERDANA MENTERI LANTIK MB BARU

SHAH ALAM, 10 Ogos (Bernama) -- Umno Selangor yang sedih dan terperanjat dengan peletakan jawatan Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk melantik menteri besar yang baru bagi negeri ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berkata keputusan itu dibuat selepas badan itu mengadakan perjumpaan dengan Wanita dan Pemuda Umno Selangor serta wakil-wakil rakyat Umno dan mengadakan mesyuarat khasnya di ibu pejabat Umno negeri di sini pagi ini.

Beliau berkata beberapa nama akan dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno esok untuk pertimbangan beliau.

"Kita serahkan kepada PM untuk memilih seorang MB baru di kalangan pemimpin dan wakil rakyat Umno Selangor," katanya pada sidang media selepas mesyuarat khas itu yang berlangsung kira-kira sejam.

Menurutnya, mesyuarat khas itu juga membuat keputusan tidak akan mempertikaikan sesiapa jua yang dipilih oleh Perdana Menteri.

"Yang penting kita hendak meneruskan pengukuhan parti di Selangor dan membuat ketetapan (bahawa) soal siapa yang ganti, kita serah kepada PM," katanya.

Muhammad juga berkata Umno Selangor telah mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir di Putrajaya pagi ini dan Perdana Menteri memaklumkan kepada mereka mengenai perkembangan peletakan jawatan Abu Hassan.

Ketika ditanya reaksi wakil-wakil rakyat Selangor terhadap penjelasan Perdana Menteri, beliau berkata mereka akur dengan keputusan yang dibuat oleh Abu Hassan dan menerima baik penjelasan Perdana Menteri.

Ditanya sama ada Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Abu Hassan meletakkan jawatan, beliau berkata biarlah Perdana Menteri sendiri yang memberitahu.

Muhammad percaya Dr Mahathir akan memilih pengganti Abu Hassan dengan seberapa segera memandangkan urusan pentadbiran kerajaan negeri sesuatu yang sangat penting.

Bekas Menteri Besar yang digantikan oleh Abu Hassan pada tahun 1997 itu, berkata buat masa ini Umno Selangor tidak berhajat untuk memberitahu media, nama dan bilangan orang yang dicadangkan menggantikan Abu Hassan.

Kepada soalan sama ada semua nama yang dicadangkan itu terdiri daripada wakil-wakil rakyat sahaja, Muhammad berkata: "Itu kamu kena tanya Perdana Menteri."

Menurut beliau, Badan Perhubungan Umno Selangor pada mesyuarat khas itu turut membuat ketetapan mengucapkan terima kasih kepada Abu Hassan sepanjang menjalankan tugasnya sebagai Menteri Besar dan pengerusi badan itu.

Selepas sidang media, Muhammad mengetuai rombongan Umno Selangor ke kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati di sini untuk menyampaikan keputusan yang dibuat pada mesyuarat khas itu.

Mesyuarat khas itu dipengerusikan oleh Muhammad manakala Abu Hassan tidak hadir.

Menurut Muhammad, Dr Mahathir mungkin mengadakan sidang media mengenai perkembangan itu petang ini. Abu Hassan juga dikatakan akan mengadakan sidang akhbar di kediamannya pada pukul 2.30 petang.

Setakat ini yang jelas ialah keputusan Abu Hassan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar sahaja tetapi tidak dapat dipastikan mengenai kedudukannya sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri atau wakil rakyat kawasan Permatang.

Satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Universiti Industri Selangor (UNISEL)

yang dijadualkan disaksikan oleh Abu Hassan di Shah Alam petang ini, dibatalkan.

Seorang jurucakap PKNS berkata majlis itu dijadual diadakan di Bilik Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada pukul 2.30 petang.

Peletakan jawatan Abu Hassan diumumkan oleh pejabat Perdana Menteri pagi ini.

Abu Hassan menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Dr Mahathir semalam setelah memegang jawatan itu selama tiga tahun dua bulan.

Beliau aktif dalam politik selama 22 tahun dan telah memegang beberapa jawatan dalam kerajaan persekutuan sebagai setiausaha parlimen, timbalan menteri dan menteri.

Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai seorang pegawai perkhidmatan tadbir dan diplomatik selama 15 tahun.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RON